

Khamis, 11 Julai 2019 | 5:35pm



Mohd Ridzuan (kanan) menunjukkan sebahagian daripada 4,759 unit katrij dan toner tiruan selepas sidang media di Kompleks Penyimpanan Ekshibit KPDNHEP Pulau Pinang, Bukit Minyak, Bukit Mertajam. - NSTP/Shahnaz Fazlie Shahrizal

KPDNHEP Pulau Pinang lupus barangan bernilai lebih RM3.4 juta

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

BUKIT MERTAJAM: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang melupuskan pelbagai barangan bernilai lebih RM3.4 juta sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

Ia membabitkan 147 kes kesalahan perihal dagangan dikendalikan kementerian terbabit, yang sudah selesai dan dijatuhkan hukuman dan pemilikan dikenakan tindakan kompaun.

Pengarah KPDNHEP negeri, Mohd Ridzuan Ab Ghapar, berkata antara barangan yang dilupuskan adalah beg tangan wanita pelbagai jenama antarabangsa, dompet, tali pinggang, jam tangan, aksesori telefon bimbit, tong ais dan paip penyambung gas.

14 "Kita turut melupuskan barangan kes membabitkan makanan dan minuman ringan yang didapati tiruan serta 4,759 unit katrij dan toner tiruan yang bernilai lebih RM1.76 juta.


"Sepanjang tempoh enam bulan ini, secara keseluruhannya kita sudah melupuskan pelbagai jenis barangan kes membabitkan nilai lebih RM3.4 juta," katanya pada sidang media di Kompleks Penyimpanan Ekshibit KPDNHEP Pulau Pinang, di sini hari ini.

Katanya, kesemua barangan dilupuskan itu, termasuk dari Pejabat KPDNHEP Cawangan Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara.

"Kita mengambil tindakan pelupusan ini apabila kes-kes yang dibicarakan di mahkamah sudah selesai diambil tindakan bagi semua peringkat.

"Proses pelupusan ini akan berjalan secara berterusan dari masa ke semasa," katanya.

Katanya, kesemua barangan kes yang dilupuskan itu menyalahi Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987.



KPDNHEP Pulau Pinang lupus barangan bernilai RM3.4j

Bukit Mertajam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang melupuskan pelbagai barangan bernilai lebih RM3.4 juta sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

Ia membabitkan 147 kes kesalahan perihal dagangan dikendalikan kementerian terbabit, yang sudah selesai dan dijatuhkan hukuman dan pemilikan dikenakan tindakan kompaun.

Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar, berkata antara barangan dilupuskan adalah beg tangan wanita pelbagai jenama antarabangsa, dompet, tali pinggang, jam tangan, aksesori telefon bimbit, tong ais dan paip penyambung gas.

"Kita turut melupuskan barangan kes membabitkan makanan dan minuman ringan yang didapati tiruan serta 4,759 unit katrij dan toner tiruan yang bernilai lebih RM1.76 juta.

"Sepanjang tempoh enam bulan ini, secara keseluruhannya kita sudah melupuskan pelbagai jenis barangan kes membabitkan nilai lebih RM3.4 juta," katanya di Kompleks Penyimpanan Eks-hibit KPDNHEP Pulau Pinang, di sini semalam.

Katanya, semua barangan dilupuskan itu, termasuk dari Pejabat KPDNHEP Cawangan Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara.

"Kita mengambil tindakan pelupusan ini apabila kes dibicarakan di mahkamah sudah selesai diambil tindakan bagi semua peringkat.

"Proses pelupusan ini secara berterusan dari masa ke masa," katanya.